

BULETIN CISEC PSAS 2024

ANUGERAH IKON
KOLABORASI



ISSN 2821-3335



9772821333001

Disediakan oleh:
CISEC PSAS



Diterbitkan oleh:
Politeknik Sultan Azlan Shah
Behrang Stesen
35950 Behrang, Perak
Tel : 05-4544431
Fax:05-4544993
Email: <http://www.psas.edu.my>

2025. Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku in dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Politeknik Sultan Azlan Shah

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh :
Politeknik Sultan Azlan Shah

C I S E C P S A S

Selamat Datang

TUAN SR. HAJI RAZALI BIN JOHARI
PENGARAH POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN AZLAN SHAH

SELAMAT DATANG

YBRS. SR. HJ. RAZALI BIN JOHARI
PENGARAH POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

4 OGOS 2025

Ikhlis daripada:
Seluruh Warga
Politeknik Sultan Azlan Shah

MALAYSIA
MADANI

TVET
TVET For All

POLYCC

Politeknik Sultan Azlan Shah | PSAS SHOUT! TVET

www.psas.edu.my

@psasofficial

*Ibu dan anak saling bergandengan,
Pergi berdua membeli ikan,
Selamat datang kami ucapkan,
Kehadiran tuan kami nantikan.*

SELAMAT DATANG DAN BERKHIDMAT DI PSAS

DR. NAZRATULHUDA BINTI AWANG @ HASHIM

TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENYELIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI


POLITEKNIK
MALAYSIA

*Tahniah
dan
Selamat Datang*

kepada
Dr. Nazratulhuda Binti Awang @ Hashim
atas perlantikan sebagai
Timbalan Pengarah (Akademik)
Politeknik Sultan Azlan Shah.

Ikhlas daripada:
Seluruh warga Politeknik Sultan Azlan Shah

 MALAYSIA
MADANI



   @psasofficial  @psasofficial1  Politeknik Sultan Azlan Shah | PSAS SHOUT! TVET  www.psas.edu.my

KANDUNGAN BULETIN

01
SIDANG REDAKSI

02
KATA ALUAN
PENGARAH PSAS

03
KATA ALUAN KETUA
CISEC PSAS

04
VISI

05
MISI

06
OBJEKTIF





07
CARTA ORGANISASI
CISEC PSAS



08
CARTA ORGANISASI
PERSATUAN ALUMNI
PSAS



09
10
JAWATANKUASA
PENASIHAT
INDUSTRI PSAS



11
IKON ALUMNI PSAS

12
KEBOLEHPASARAN
GRADUAN PSAS

13

KOLABORASI INDUSTRI
AKTIF



14

AKTIVITI KERJAYA DAN
PENINGKATAN
KEBOLEHPASARAN



15

AKTIVITI KOLABORASI
BERSAMA INDUSTRI




16

AKTIVITI ALUMNI

17

AKTIVITI DAN
PENGHARGAAN
STAF CISEC





*Assalamu'alaikum dan Selamat
Sejahtera,*

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung TAHNIAH kepada *Corporate Industrial Sevices & Employment Center*, CISEC atas kejayaan menerbitkan Buletin CISEC 2025 pada tahun ini.

CISEC , PSAS telah mengorak langkah ke hadapan dengan memperkemas struktur pengurusan untuk menjadi lebih baik dengan pencapaian KPI dan pelaksanaan program atau aktiviti yang menyokong pembangunan kerjaya graduan dan kerjasama industri.

Saya berasa gembira melihat kemajuan ini kerana ia menunjukkan bahawa CISEC PSAS bersama-sama berganding bahu dalam memperkasa objektif pendidikan melalui perkongsian idea bagi meningkatkan jenama Politeknik Malaysia amnya dan PSAS khususnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak CISEC atas usaha yang ditunjukkan melalui penyelarasan program atau aktiviti bersama pihak industri dan merencanakan lagi hubungan kolaborasi dengan pelbagai pemain industri dan IPT.

Akhir kalam, sentiasa berfikiran positif untuk terus maju ke hadapan...

#Gemilang@PSAS

#Shaping PSAS with Soul

TS HAJI MOHD ZULKEFLI BIN IBRAHIM
Pengarah
Politeknik Sultan Azlan Shah



Assalamu'alaikum dan Selamat Sejahtera,

Tahniah diucapkan kepada Corporate Industrial Services & Employment Center (CISEC) atas pelancaran Buletin CISEC 2023 yang memperlihatkan peningkatan yang signifikan.



CISEC, PSAS, telah mencapai pencapaian luar biasa dalam peningkatan struktur pengurusan. Langkah ini mencerminkan komitmen untuk meningkatkan prestasi berdasarkan KPI yang ditetapkan, serta pelaksanaan program dan aktiviti yang berorientasikan pembangunan karier para graduan sejajar dengan perkembangan teknologi digital.

Saya terkesan dengan kemajuan ini, menandakan CISEC, PSAS bersinergi dalam memperteguhkan objektif pendidikan. Kolaborasi dua hala ini penting dalam meningkatkan reputasi Politeknik Malaysia secara umum, dan PSAS khususnya, melalui pertukaran idea yang membangun dan inovatif.

Penghargaan tertinggi saya sampaikan kepada CISEC, PSAS atas dedikasi yang ditunjukkan dalam menyelaras program dan aktiviti bersama industri. Ini tidak hanya mengukuhkan kerjasama, tetapi juga merangsang pertumbuhan hubungan kolaboratif dengan pelbagai pihak industri dan institusi pendidikan tinggi yang seterusnya melahirkan graduan yang kompeten.

Sebagai kata penutup, saya ingin mengajak semua pihak agar terus memupuk semangat positif dan penuh azam, menjadikan setiap langkah dalam perjalanan ini sebagai titik tolak ke arah masa depan yang lebih gemilang.

#GemilangePSAS

#Shaping PSAS with Soul

TS PROF ADJUNG KAMARUZAMAN BIN JAHIDIN
Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri
Politeknik Sultan Azlan Shah



*Assalamu'alaikum dan Selamat
Sejahtera,*

Corporate Industrial Services & Employability Center (CISEC) secara umumnya merupakan unit sokongan yang bernaung di bawah Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Sultan Azlan Shah. CISEC menyediakan perancangan yang sistematik dan tersusun bagi melahirkan graduan PSAS yang menjadi rebutan industri.

Perkhidmatan CISEC merangkumi 2 aspek iaitu :

1. Pelaksanaan program-program kerjaya bagi peningkatan kebolehpasaran graduan dan
2. kolaborasi bersama industri

- Meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik
- Menyediakan khidmat nasihat kerjaya, perancangan dan persediaan graduan ke alam pekerjaan
- Melaksanakan program-program yang dirancang oleh JPP dan Politeknik bagi meningkatkan GE seperti Program CEO Fakulti, IAC dan sebagainya.

Akhir kalam, tiada yang mustahil untuk terus cemerlang dengan izinNya...

#GemilangePSAS
#Shaping PSAS with Soul

NORHAYATI BINTI JAMIL
Ketua CISEC
Politeknik Sultan Azlan Shah




VISI

Menjadi pusat kecemerlangan yang meningkatkan kebolehdapatan kerja graduan Politeknik Sultan Azlan Shah.



MISI

Membentuk satu jalinan perhubungan di antara pihak industri dan pihak Politeknik Sultan Azlan Shah bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Penubuhannya antara agenda Transformasi Politeknik iaitu meningkatkan employability dan kebolehpasaran graduan politeknikn KPT.



OBJEKTIF

- Memudahkan jaringan dan kolaborasi di antara Politeknik dengan industri
- Menyediakan perkhidmatan dan maklumbalas terhadap keperluan industri terutama yang melibatkan kolaborasi dan penempatan kerja graduan
- Meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik
- Meningkatkan kadar bekerja graduan politeknik
- Menyediakan khidmat penasihat kerjaya, perancangan dan persediaan graduan ke alam pekerjaan





TS MOHD ZULKEFLI BIN IBRAHIM
PENGARAH



NORHAYATI BINTI JAMIL
KETUA CISEC



AZWA BINTI HASNAN
PEGAWAI KEBOLEHPASARAN



SITI ZURAINI BINTI SUKIRAN
PEGAWAI IL5G DAN SKPG



NOR HIDAYAH BINTI AB WAHAB
PEGAWAI KERJAYA



NURULZAMRINA BT HJ. AHMAD
PENYELARAS CISEC JKA



AZUWAN BIN SALEHUDDIN
PENYELARAS CISEC JKM



NOR ALWANI BINTI ABD WAHAB
PENYELARAS CISEC JP



RAJABUNESHA BINTI ANWAR DIN
PENYELARAS CISEC JKE



NOOR AFZILA BINTI MOHAMAD
PENYELARAS CISEC JKA



EMADELLA BINTI RIFAI
PENYELARAS CISEC JKM



SYAHIRA BINTI MOHD ZAYADI
PENYELARAS CISEC JP



**MUHD HALALLUDDIN BIN
ABDUL RAHIM**
PENYELARAS CISEC JKE



AZMI BIN MOHAMMAD
PENYELARAS CISEC JKA



**WAN SITI FATIMAH BINTI
WAN AB RAHMAN**
PENYELARAS CISEC JKM



NURUL ALNOR BINTI AHMAD NESAER
PENYELARAS CISEC JKE



ZIKRI BIN ZAKARIA
PENYELARAS CISEC JKM

TARIKH KUATKUASA : 15 OGOS 2024

CEO@PolyCC POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH 2024 - 2026



PROF ADJUNG KAMARUZAMAN JAHIDIN
ASSOCIATE DIRECTOR
K6 TECH SDN. BHD.



SAIFUL AZMI BIN HAMZAH
MANAGING DIRECTOR
ASTANA DIGITAL SDN BHD

TERMA RUJUKAN CEO@PolyCC

OBJEKTIF

1. Meningkatkan kualiti perkongsian pengetahuan dan kemahiran di antara industri – akademia bagi melahirkan graduan holistik dan seimbang sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan.
2. Membantu memperluas jaringan kolaborasi antara industri – akademia bagi hal-hal berkaitan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, latihan, penilaian dan penyelidikan.



JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI (JPI) POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH 2024 - 2026



PROF ADJUNG KAMARUZAMAN JAHIDIN
Associate Director
K6 Tech Sdn Bhd.

PENGERUSI



TS MOHD ZULKEFLI BIN IBRAHIM
Pegarah
Politeknik Sultan Azlan Shah

SEKRETARIAT



TS SYAHMI BIN SADAN
Managing Director
Revenue Discovery Sdn Bhd

TIMBALAN PENERUSI 1



CHA CHI KUN
Chief Executive Officer
WSA Venture Australia (M) Sdn Bhd

TIMBALAN PENERUSI 2

AHLI JAWATANKUASA



SR DR. SYED ABDUL HARIS BIN SYED MUSTAPA
Associate Director
AS2 Consult Sdn Bhd



IR. MUSA BIN MISNAN
Ketua Senggaraan
Stesen Janakuasa
Sultan Azlan Shah TNB



ONNIE ZURIN B. ABU
Pengerusi Eksekutif
Kolam Emas Sdn Bhd



IR. ZAKARIAH MOHD YASIN
Head of Section
Indah Water Konsortium Sdn.Bhd



MOHD KHAIRUL NIZAM BIN SHARIP
Pengurus Besar
ZENIG Synergy Sdn Bhd



NAZIRUL AZIM BIN ABD LATIFF
Designer, Styling Design
Perodua Manufacturing Sdn Bhd



POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH



IR DR RADEN MAIZATUL AIMI BT MOHD AZAM

Graduan : Diploma Kejuruteraan Awam
Berjaya menamatkan PhD dalam bidang
Kejuruteraan Awam (Concrete Technology,
Bio-Concrete, Self-Healing Concrete)
Bertugas : Pensyarah (UiTM, Shah Alam)



AL MALIK BIN HAIRUDDIN

Graduan : Diploma Kejuruteraan Mekatronik
Pengasas bersama Byond Group of
Companies
Pendapatan mencecah 8 angka setahun



MUHAMAD HILMI BIN HASNAN

Graduan : Diploma Kejuruteraan Elektrik
Jawatan Kerja : Eksekutif (PPM Coordinator)
Bertugas : Di syarikat gergasi minyak
terkemuka negara (PETRONAS)




HAFIZA BINTI ABD HAMID


Graduan : Diploma Akauntansi
Pengarah Urusan dan Pereka Fesyen HH
Apparel Sdn Bhd (MINAZ Malaysia)
Pendapatan mencecah 7 angka setahun

KEBOLEHPASARAN GRADUAN PSAS


TREN GE POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH 2007-2023




STATUS PEKERJAAN GRADUAN POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH 2023



KADAR PENDAPATAN BULANAN GRADUAN BEKERJA, 2023



KOLABORASI AKTIF





AKTIVITI KERJAYA & PENINGKATAN KEBOLEHPASARAN



PROGRAM HOW TO CREATE A PERFECT PERSONALITY

27 FEB 2024



Unit CISEC telah mengadakan program ini dengan kerjasama pihak PERKESO Ipoh & Tapah.

HARI: SELASA

MASA : 8.00 pagi - 1.00 petang

PELAJAR : SEMESTER 5 (JKE, JKM, JP & JKA)

LOKASI: Dewan Kuliah JKM

Mohd Nor Syazmi Bun Noor Azni, Pegawai Perkhidmatan PERKESO, Ipoh merupakan penceramah bagi sesi kali ini.

Penglibatan peserta adalah daripada pelajar semester 5, JKA, JKM, JKE & JP. Pelajar telah diberi ujian vocational interest assessment bagi mengenali diri mereka sama ada di berada kategori "social, investigative, entrepreneur, conventional, realistic dan artistic".



PROGRAM HOW TO CREATE A PERFECT PERSONALITY

27 FEB 2024



Kemudian pelajar diminta untuk membentangkan SWOT mengenai kategori masing-masing.



Mock interview juga turut diadakan bagi melihat tatacara terbaik bagi menghadapi temuduga sebenar.

Semoga perkongsian ilmu daripada pihak PERKESO ini dapat memberikan manfaat buat para pelajar yang hadir



KAUNTER PENGESANAN GRADUAN

28 FEBRUARI 2024 - 1 MAC

Kaunter Pengesanan Graduan telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Hampir 80% graduan hadir bagi melengkapkan proses pengesanan ini.

Program ini dibahagikan kepada dua sesi utama, di mana Sesi 1 melibatkan graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Sesi 2 pula melibatkan graduan dari Jabatan Perdagangan (JP).

Kehadiran yang tinggi menunjukkan komitmen serta kesungguhan para graduan dalam memastikan maklumat mereka direkodkan dengan tepat. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua graduan JKM dan JP atas kehadiran dan kerjasama yang diberikan.




KAUNTER PENGESANAN GRADUAN

28 FEBRUARI - 1 MAC 2024



Raptai Konvokesyen Taklimat Pengesanan Graduan bagi Sesi 1: 2022/2023 dan Sesi 2: 2022/2023

1 MAC 2024



Raptai Konvokesyen telah berlangsung dengan lancar, disertai dengan Taklimat Pengesanan Graduan bagi Sesi 1: 2022/2023 dan Sesi 2: 2022/2023. Majlis ini bertujuan memberi pendedahan dan maklumat penting kepada para graduan sebelum hari konvokesyen sebenar.

Tahniah dan selamat bergadua diucapkan kepada semua graduan atas pencapaian cemerlang



KAUNTER PENGESANAN GRADUAN

28 FEBRUARI - 1 MAC 2024

Hari ketiga operasi Kaunter Pengesanan Graduan terus menerima kunjungan para graduan yang hadir bagi melengkapkan proses pengesanan. Dalam kesibukan melaksanakan tugas, kami dikejutkan dengan kunjungan istimewa daripada Tuan Pengarah PSAS, Ts. Hj. Mohd Zulkefli Bin Ibrahim.

Kehadiran beliau benar-benar mengejutkan dan menyentuh hati kami yang bertugas di sebalik tabir. Segala penat lelah sepanjang tiga hari ini seakan terubat dengan keprihatinan dan penghargaan yang diberikan.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengarah atas sokongan dan penghargaan yang diberikan kepada kami!



KAUNTER PENGESANAN GRADUAN

28 FEBRUARI - 1 MAC 2024



PROGRAM JOB CAREER: JOB IN DEMAND

8 MAC 2024



POLITEKNIK MALAYSIA **C/SEC**

PROGRAM JOB CAREER : JOB IN DEMAND

JUMAAT
8 MARCH 2024

MASA
08:00 - 12:30 PM

DEWAN KULIAH
JKE

PENCERAMAH

Mohamad Nor Syazmi
Bin Noor Azni
Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan
(PERKESO)

JOM IKUTI KAMI

Anjuran CISEC, PSAS

Unit CISEC dengan kerjasama pihak PERKESO Ipoh dan Tapah telah berjaya menganjurkan satu program bermanfaat bagi pelajar semester 5 dari Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), dan Jabatan Perdagangan (JP).

Sesi kali ini menampilkan Mohd Nor Syazmi Bin Noor Azni, Pegawai Perkhidmatan PERKESO Ipoh, sebagai penceramah utama. Pelajar diberikan pendedahan mengenai peluang kerjaya yang bakal mereka miliki selepas bergaduat serta cabaran yang bakal dihadapi dalam dunia pekerjaan.



PROGRAM JOB CAREER: JOB IN DEMAND

8 MAC 2024

Selain sesi ceramah, pelajar turut diminta membentangkan analisis SWOT bagi kategori masing-masing, memberi mereka ruang untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman dalam kerjaya yang dipilih.

Program ini juga dimeriahkan dengan sesi mock interview bagi melatih pelajar menghadapi temuduga sebenar dengan lebih yakin dan berkesan.



Semoga perkongsian ilmu daripada pihak PERKESO ini memberi manfaat kepada semua peserta dalam merancang masa depan yang lebih cemerlang



CEO@POLYCC TALK , POLITEKNIKSULTANAZLANSHAH : Building Professional Reputation Through the Power of Digital Resume and TikTok Creativity

25 MEI 2024



CEO@POLYCC TALK

BUILDING PROFESSIONAL REPUTATION THROUGH THE POWER OF DIGITAL RESUME AND TIKTOK CREATIVITY

20 MAY 2024
8.30 A.M. - 5.00 P.M.

COMPUTER AIDED DESIGN,
CAD 1, JMSK PSAS

CONTENTS

- Resume vs CV
- Digital Video Resume
- Digital Portfolio
- Tips for Interview

ORGANIZED BY :
CISEC, PSAS

ADJ. PROF. KAMARUZAMAN BIN JAHIDIN
ASSOCIATE DIRECTOR
K6 TECH SDN BHD

Bengkel Building Professional Reputation Through the Power of Digital Resume and TikTok Creativity telah berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang dengan jayanya.

Program ini menampilkan dua penceramah industri berpengalaman, iaitu Prof. Adjung Kamaruzaman Bin Jahidin dan En. Syahmi Bin Shahdan.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ts. Hj. Mohd Zulkefli Bin Ibrahim, Pengarah PSAS.



CEO@POLYCC TALK , POLITEKNIKSULTANAZLANSHAH : Building Professional Reputation Through the Power of Digital Resume and TikTok Creativity

25 MEI 2024

Sepanjang bengkel ini, peserta diberikan pendedahan mengenai aspek penting dalam membina jenama profesional melalui platform digital seperti:

- ✓ Digital Resume
- ✓ Digital Portfolio
- ✓ TikTok sebagai medium kreatif
- ✓ LinkedIn untuk jaringan profesional
- ✓ Indeed sebagai platform pencarian kerja

Para peserta turut diberikan cabaran untuk menyediakan Digital Portfolio dan Video Resume.



Hasil kerja mereka dinilai oleh para penceramah berdasarkan tiga kategori utama: Resume Terbaik, Video Terbaik, dan Paling Kreatif. Setiap kategori telah menobatkan tiga pemenang terbaik berdasarkan kreativiti dan kualiti penyampaian mereka.



CEO@POLYCC TALK , POLITEKNIKSULTANAZLANSHAH : Building Professional Reputation Through the Power of Digital Resume and TikTok Creativity

25 MEI 2024



Semoga ilmu dan pengalaman yang diperoleh daripada bengkel ini memberi manfaat serta membantu para peserta dalam membuat persediaan memasuki alam kerjaya dengan lebih yakin dan berdaya saing.

PROGRAM CERTIFIED LEAN MANUFACTURING TECHNICIAN | TVET MODULAR INDUSTRY

15 - 26 JUN 2024



Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dengan kerjasama PASAK dan GMP Quality Consultants telah menganjurkan program latihan profesional dalam Lean Manufacturing. Program ini bertujuan untuk melatih individu dalam prinsip serta teknik Lean Manufacturing, yang memberi tumpuan kepada pengurangan pembaziran dan peningkatan kecekapan proses pengeluaran.

Di akhir kursus ini, peserta akan menerima Sijil Profesional yang diiktiraf oleh industri, sekali gus meningkatkan peluang kerjaya mereka. Lebih menarik, para peserta juga akan diberikan penempatan pekerjaan secara terus selepas tamat kursus.

Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta tetapi turut membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan PSAS dalam industri pembuatan. Semoga program ini membuka lebih banyak peluang kerjaya dan meningkatkan daya saing tenaga kerja dalam industri

PROGRAM CERTIFIED LEAN MANUFACTURING TECHNICIAN | TVET MODULAR INDUSTRY

15 - 26 JUN 2024

Program Certified LEAN Manufacturing Technician | TVET Modular Industry telah dilaksanakan selama 12 hari iaitu pada 15 sehingga 26 Jun 2024 bertempat di Politeknik Sultan Azlan Shah dan merupakan program anjuran bersama CISEC, PSAS, PASAK dan GMP Quality Consultants. Seramai 14 orang peserta telah terlibat dan ianya merupakan program Structured Internship Program (SIP), yang telah melalui beberapa fasa.

Para peserta yang menyertai program ini adalah dikalangan pelajar semester 5 daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PSAS dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik PSAS yang telah melalui fasa pertama. Fasa pertama merupakan temuduga penempatan Latihan Industri.



PROGRAM CERTIFIED LEAN MANUFACTURING TECHNICIAN | TVET MODULAR INDUSTRY

Sepanjang tempoh kursus, para peserta telah didedahkan dengan LEAN Manufacturing Technician yang secara teori dan simulasi. Para peserta juga telah diagihkan kepada 3 kumpulan untuk menyiapkan projek berkaitan LEAN Manufacturing. Selain itu, para peserta juga telah menduduki temuduga bagi mendapatkan penempatan pekerjaan di industri terpilih secara bersemuka dan secara atas talian di Unit CISEC.



PROGRAM CERTIFIED LEAN MANUFACTURING TECHNICIAN | TVET MODULAR INDUSTRY



Pada hari terakhir para peserta telah menduduki peperiksaan secara atas talian dan perlu membenteng hasil projek berkumpulan di hadapan 3 panel penilai. Turut hadir bersama daripada pihak industry adalah En. Ng Chuk Peng, GMP Quality Consultants.



Di akhir majlis, cenderamata tanda penghargaan kepada para panel penilai telah disampaikan oleh pihak GMP Quality Consultants. Program ini telah berjaya menjadi bukti salah satu kriteria peningkatan kebolehpasaran graduan PSAS.



MAJLIS HI-TEA DAN PENUTUP SERTA PENGHARGAAN KEPADA PESERTA KURSUS CERTIFIED LEAN MANUFACTURING TECHNICIAN | TVET MODULAR INDUSTRY

Majlis ini diadakan adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara para peserta dengan pihak pengurusan PSAS serta menghargai para peserta setelah melalui kursus selama 12 hari di PSAS. Majlis dimulakan dengan Kata Aluan daripada Pengarah PSAS di ikuti dengan ucapan daripada pihak GMP Quality Consultants. Di akhir majlis, sijil penyertaan kursus telah disampaikan kepada semua para peserta kursus. Turut disampaikan sijil penghargaan kepada 2 panel penilai projek peserta kursus. Semoga kursus yang disediakan ini dapat memberikan manfaat serta impak yang positif buat semua para peserta.



MESYUARAT PRA PERBINCANGAN AWAL ExKIP 12 ANTARA CISEC, UPLI PSAS BERSAMA PIHAK PERKESO

3 Julai 2024



PSAS telah merancang pelaksanaan ExKIP 12 2024 pada satu tarikh yang dibincangkan untuk persetujuan bersama pihak PERKESO.

Pelbagai pengisian program telah dirancang, sebelum dan semasa tempoh program ExKIP 12 yang bakal dilaksanakan.



Terima kasih kepada pihak PERKESO kerana tetap setia bekerjasama dengan PSAS dalam membantu peningkatan kebolehpasaran graduan PSAS.

Semoga segala yang dirancang dipermudahkan segala urusan.



KUNJUNGAN RASMI PERKESO DAN PERBINCANGAN AWAL ExKIP 12 ANTARA PENGARAH PSAS BERSAMA PIHAK PERKESO

15 Julai 2024



Politeknik Sultan Azlan Shah telah menerima kunjungan daripada pihak PERKESO Ipoh dan Tapah. Delegasi ini diketuai oleh Puan Prema Latha A/P Doraiswamy, Pengurus PERKESO dan telah disambut oleh Pengarah PSAS, Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim.



Turut hadir dalam perbincangan daripada pihak PSAS adalah Dr Nazratulhuda Binti Awang @ Hashim, Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Norhayati Binti Jamil, Ketua CISEC, Pn. Norafzan Binti Mohd Ranai, Ketua UPLI, Pn. Azwa Binti Hasnan, Pegawai Kebolehpasaran Graduan, serta Pn. Nurulzamrina Binti Ahmad, Penyelaras CISEC Jabatan.



PSAS telah merancang pelaksanaan ExKIP 12 2024 pada September 2024 yang telah dipersetujui bersama pihak PERKESO. Susun atur dan strategi kerja turut dirancang bersama bagi melihat penyelarasan tugas mengikut keperluan program yang telah ditentukan. Perancangan program antara PERKESO dan PSAS bagi mengadakan program sebelum dan semasa hari kejadian ExKIP 12 juga telah diatur bagi mencapai objektif pelaksanaan program.




Terima kasih diucapkan kepada pihak PERKESO kerana tetap setia bekerjasama dengan PSAS dalam membantu peningkatan kebolehpasaran graduan PSAS. Semoga segala yang dirancang dipermudahkan segala urusan.

KURSUS RENEWABLE ENERGY AND SUSTAINABILITY

8-9 Ogos 2024



Seramai 20 orang pelajar telah terlibat Kursus Renewable Energy and Sustainability yang telah dikendalikan oleh GMP Quality Consultants dengan kerjasama CISEC PSAS dan BKIK, JPPKK pada 8 hingga 9 Ogos 2024 bertempat di Bilik Seminars JKE. Kursus ini telah disampaikan oleh Ts. Lim Chee Meng, GMP Quality Consultants.



Objektif program ini adalah untuk memberikan latihan intensif kepada pelajar Politeknik bagi mewujudkan sekumpulan pelajar terlatih yang akan melaksanakan penggunaan kemampanan dengan menggunakan pengetahuan "Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kemampanan". Peserta juga turut didedahkan kepada pengetahuan dan aplikasi "Tenaga Boleh Diperbaharui" yang kini semakin dipraktikkan dalam industri dan selaras dengan matlamat pembangunan lestari.



Semoga ilmu yang dikongsikan dapat menjadikan para pelajar PSAS menjadi rebutan industri dengan sijil professional yang diperolehi.




Mesyuarat ExKIP 12 Bil. 2/2024

13 September 2024

Mesyuarat terakhir bagi melihat progres kerja Jawatankuasa bagi persediaan program Expo Kerjaya Industri Politeknik kali ke-12 yang bakal tiba.

Alhamdulillah, Jawatankuasa telah memberikan kerjasama yang sangat komited dalam persediaan yang dibuat mengikut skop tugas masing-masing.



FESTIVAL IDEA PUTRAJAYA : KARNIVAL KERJAYA MADANI

27-29 November 2024



Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah menghantar 27 orang pelajar daripada JKA, JKE, JKM & JP bagi menghadiri dan mengikuti program yang telah di aturkan sepanjang Festival of Ideas. Delegasi daripada PSAS ini telah diiringi oleh Ketua CISEC, Pn. Norhayati Binti Jamil & Pegawai Kebolehpasaran, Pn. Azwa Bt. Hasnan. Kehadiran delegasi telah disambut baik oleh pegawai daripada **BKIK, JPPKK**.

Program ini merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama **MYFutureJobs**, bersempena Festival Idea Putrajaya, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Pelbagai pengisian program disediakan dalam program selama 3 hari ini termasuk temuduga Kerjaya, Pameran booth, Forum dan sebagainya.





AKTIVITI KOLABORASI INDUSTRI



KUNJUNGAN DAN JALINAN KOLABORASI PIHAK ASHVERTISING MARKETING SDN BHD (SULTERA) & AR LEGACY SDN BHD KE PSAS

9 FEB 2024

PSAS terus mara ke hadapan dalam memastikan jaringan kolaborasi bersama industri seiring perkembangan kepesatan teknologi dalam memastikan graduan PSAS relevan dengan keperluan industri.

Hadir bersama dalam sesi perbincangan ini adalah:

(1) Prof Adjung Kamaruzaman Bin Jahidin, Kay Jay , Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri, JPI PSAS

(2) En. Mohammad Ashraf Bin Ab Aziz, Ashvertising Marketing Sdn. Bhd.; dan

(3) En. Aminur Rashid Bin Rahim, Ar Legacy Sdn. Bhd.

Manakala mewakili Politeknik Sultan Azlan Shah adalah:

(1) Ts Hj Zulkefli Bin Ibrahim, Pengarah PSAS,
(2) Ts Salhana Bt Sahidin @ Salehudin, Timblan Pengarah (Akademik),

(3) Norhayati Bt Jamil, Ketua CISEC,

(4) En. Wan Hasbullah B. Wan Mohamed, Ketua UPLI,

(5) Pn. Norhazlin Binti Mohamed Ali,

(6) Pn. Azwa Binti Hasnan, Pegawai Kebolehpasaran Graduan,

(7) En. Salehan Bin Marsim, Ketua EMaC,

(8) Pn. Nur dalila Bt Zainal, KPDRM,

(9) Pn. Aznin Binti Nazaudin, KPDAT,

(10) Pn. Jegathiswary A/P Murukan, KPDPM,

(11) Pn. Nurul Ashikin Bt. Md Taib, KPDRM,



KUNJUNGAN DAN JALINAN KOLABORASI PIHAK ASHVERTISING MARKETING SDN BHD (SULTERA) & AR LEGACY SDN BHD KE PSAS

9 FEB 2024

Pelbagai peluang seperti penempatan latihan industri pelajar, kerjaya graduan, Sangkutan Industri Pensyarah serta latihan professional daripada kedua-dua belah pihak telah diperbincangkan.

Coaching and mentoring dalam bidang keusahawanan turut diperbincangkan. Gerak kerja dirancang sebaik mungkin bagi melahirkan usahasama yang baik ini.

Semoga jaringan kolaborasi ini dapat memberikan impak yang positif dalam pelbagai inisiatif program bersama yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.



KUNJUNGAN HORMAT RAKAN KOLABORASI AKADEMI PKNS KEPADA PENGARAH PSAS

19 JUN 2024



Politeknik Sultan Azlan Shah telah menerima kunjungan hormat daripada Rakan Kolaborasi Akademi PKNS iaitu Encik Mohamad Fairol B. Saliken, Senior Manager Business Operation, Akademi PKNS bersama 2 orang pegawai dan Prof. Adjung Kamaruzaman Bin Jahidin, Pengarah Urusan K6 Tech Sdn. Bhd.



Kunjungan dimulakan dengan lawatan dan perbincangan di Unit CISEC bersama Ketua CISEC PSAS, Puan Norhayati Binti Jamil bagi melihat program bersama bagi usaha meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan PSAS melalui perancangan program pensijilan professional industri.

Seterusnya kunjungan hormat ini diteruskan dengan perbincangan bersama Tuan Pengarah PSAS, Ts Mohd Zulkefli Bin Ibrahim bagi melihat potensi kerjasama secara keseluruhan dalam pembangunan PSAS. Delegasi turut dibawa melawat UPLP dan sekitar PSAS bagi melihat kemudahan serta fasiliti yang boleh digunapakai bersama dalam perancangan program di PSAS nanti.

Semoga segala yang dirancang dipermudahkan pelaksanaannya.



TAWARAN KERJAYA SEMPENA ExKIP12

24-25 September 2024

EXPO KERJAYA INDUSTRI POLITEKNIK [ExKIPKE-12]

2024

24 September 2024



Sebanyak 20 buah syarikat dan agensi dari pelbagai industri telah menawarkan lebih 600 peluang pekerjaan dan penempatan latihan industri sempena Program Expo Kerjaya Industri Politeknik atau lebih dikenali sebagai ExKIP bagi penganjuran kali ke-12 tahun 2024. Penganjuran program kali ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) melalui kolaborasi Pusat Industri Korporat dan Kebolehpasaran (CISEC) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Perak. EXPO ini bermula pada 24 hingga 25 september 2024 bertempat di Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Perak.



Pengisian aktiviti pada hari pertama penganjuran berlangsung ialah Pameran oleh agensi kerajaan dan pihak industri, temuduga penempatan kerjaya dan Latihan Industri, Focus Group Dialogue (FGD), dan Alumni Live Talk Show. Dalam masa yang sama, PSAS turut menandatangani Letter of Intent (LOI) bersama 7 buah syarikat / organisasi iaitu Sustainability Solution, Persada Consultancy, PSM Machinery Enterprise, KUKA Robot Automation (Malaysia) Sdn. Bhd., My Monster Marketing, Revenue Discovery Sdn. Bhd. dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Majlis menandatangani sijil kolaborasi bersama pihak industri ini menjadi batu loncatan kepada PSAS untuk membina peluang kerjasama dalam bidang kejuruteraan, penyelidikan serta latihan. Sekaligus dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan PSAS pada masa akan datang.



PERASMIAN & PELANCARAN LAMAN WEB & DASHBOARD CISEC SEMPENA ExKIP 12 2024

24 September 2024



PSAS juga turut melancarkan Inisiatif Digital Baharu iaitu Laman Web dan Dashboard CISEC, PSAS bagi memperkasa pengurusan CISEC dan memudahkan pihak pengurusan membuat ramalan atau jangkaan serta mengenalpasti Continuous Quality Improvement (CQI) yang perlu dilaksanakan.



Majlis Perasmian Pembukaan ExKIP 12 ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Dr. Asnizah Binti Sahekhaini, Timbalan Pengarah Unit Kebolehpasaran Graduan, Bahagian Kolaborasi Industri & Komuniti mewakili Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi. Turut hadir ke majlis ini adalah Pengarah PSAS, Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim, Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Perak, Tn Roslan Bin Pilus dan Pengurus PERKESO Tapah, Puan Prema Latha A/P V Doraisamy.



ALUMNI TALK: BEYOND THE LIMIT SEMPENA ExKIP 12 2024

24 & 25 September 2024



ALUMNI TALK: BEYOND THE LIMIT

Jangan Lepaskan Peluang Emas Ini!

Anda nak dengar kisah inspirasi dari seorang bekas pelajar yang kini menjadi pegawai polis berpangkat tinggi? 🚔♂️🌟

Hadirilah "ALUMNI TALK: BEYOND THE LIMIT" bersama Insp. Muhammad Faizul bin Mustafa, Pegawai Polis, Cawangan Khas, Bukit Aman! 🇲🇾



📅 25 September 2024 (Rabu)

🕒 8:30 - 9:30 pagi

📍 Dewan Muallim PSAS

Ketahui rahsia kejayaan beliau melepasi batasan dan mencapai impian! 🚀💪

Acara ini adalah sebahagian daripada ExKIP12 - Ekspo Kerjaya Industri Politeknik. Jangan lepaskan peluang untuk meneroka MyFutureJobs juga! 📁🔍





FOCUS GROUP DIALOGUE SEMPENA ExKIP 12 2024

24 September 2024

**FOCUS GROUP DIALOGUE SEMPENA
EXPO KERJAYA INDUSTRI
POLITEKNIK [ExKIP KE-12] 2024**

